

## Mesyuarat Pemimpin APEC ke-30



Anwar menyampaikan syarahan khas bertajuk 'Super Power Rivalry and Rising Tensions in the Asia Pacific' di University of California, Berkeley, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Malaysia tegas mahu henti perang di Gaza

Anwar dakwa pendirian diputarbelitkan perlihat seolah negara sokong keganasan

**Sharanjit Singh**

bhnews@bh.com.my

di San Francisco, AS

**San Francisco:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan pendirian Malaysia berhubung konflik Palestin-Israel, termasuk gesaan untuk gencatan senjata dan menghentikan pengeboman berterusan di Semenanjung Gaza diputarbelitkan sehingga menampakkan negara ini menyokong tindakan keganasan.

Perdana Menteri berkata, setiap pembohongan dan penipuan perlu diperbetulkan selari kenyataannya di Parlimen, sebelum ini.

"Seperti apa saya nyatakan di Parlimen Malaysia, tidak ada kata dua dalam perkara ini. Kami mengutuk keganasan dalam semua bentuk dan mengutuk secara mutlak tindakan membu-

nuh, mengorbankan nyawa mereka yang tidak bersalah serta menjadikan wanita dan kanak-kanak sebagai tebusan.

"Begitu juga Malaysia dengan tegas mengecam pengeboman terhadap orang awam, rumah dan hospital serta kekejaman yang berlarutan terhadap nyawa yang tidak bersalah, kanak-kanak, wanita dan lelaki, dilakukan siang dan malam di Gaza tanpa dikenakan hukuman.

"Ini adalah pelanggaran undang-undang antarabangsa secara terang-terangan," katanya pada syarahan khas bertajuk *Super Power Rivalry and Rising Tensions in the Asia Pacific* di University of California, Berkeley, di sini, semalam.

Kira-kira 250 pelajar menghadiri majlis itu.

### Peperangan kejam

Perdana Menteri yang berada di sini bagi menghadiri Mesyuarat Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-30, turut berkata, Malaysia melihat konflik di Gaza sebagai krisis kemanusiaan yang dicetuskan oleh peperangan yang kejam dan tanpa pertimbangan.

"Akhirnya, ini bukan mengenai Tuhan yang kita sembah. Lagipun lebih 11,000 mangsa di Gaza terdiri daripada orang Islam dan Kristian serta warganegara pelbagai negara.

"Ini adalah mengenai mencegah lebih banyak kematian, lebih banyak penderitaan dan lebih banyak kebencian. Penyokong per-

juangan Palestin bukan penyalur ucapan kebencian mahupun penyokong keganasan," tegasnya.

Anwar berkata, konflik di Palestin akan memberi kesan kepada orang lain kerana implikasi peperangan Palestin-Israel disifatkan penting dan berpanjangan.

"Ia bakal menjejaskan bukan sahaja Palestin atau Asia Barat dengan lebih luas, tetapi juga meninggalkan kesan dalam hubungan global untuk beberapa tahun akan datang," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menyeru syarikat teknologi, khususnya yang berkembang maju di Lembah Silicon, menjalankan tanggungjawab penting sebagai penjaga komunikasi moden.

Beliau berkata, ini masanya untuk menjalin perkongsian lebih kukuh dan memanfaatkan inovasi yang dapat melindungi masyarakat dan struktur kehidupan kolektif.

"Mereka ditugaskan dengan dasar pelaksanaan yang menentang maklumat salah dan maklumat palsu sambil menegakkan hak kebebasan bersuara," katanya.

Kawasan Teluk San Francisco menempatkan banyak syarikat Fortune 500 terbesar di dunia seperti Tesla, Uber, Salesforce, Pixar, Netflix, Lucasfilm Ltd, Levi Strauss dan beberapa firma paling inovatif dalam pembangunan AI (kecerdasan buatan), bioteknologi, perisian, teknologi bersih dan media sosial.